

No. Pendaftaran: B-4-0790

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**LAPORAN BERKANUN DAN PENYATA KEWANGAN  
BERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

**AZMI JAAFAR ASSOCIATES  
JURUAUDIT KOPERASI BERTAULIAH**

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**LAPORAN BERKANUN DAN PENYATA KEWANGAN**  
**BERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

**ISI KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Laporan Berkanun Lembaga	1
Laporan Juruaudit	2 - 5
Kunci Kira-Kira	6
Akaun Pembahagian Keuntungan	7
Akaun Untung Rugi	8
Akaun Perdagangan	9
Penyata Aliran Tunai	10
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	11 - 16

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**

(No. Pendaftaran: B-4-0790)

(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993**

**SEKSYEN 59(1)(C)**

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi ASAS Selangor Berhad dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, Kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:


- (a) Pada pendapat Lembaga, hasil operasi Koperasi bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Ogos 2023 tidak dipengaruhi secara berkesan oleh perkara-perkara abnormal mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993.
- (b) Pelarasan-pelarasan akaun seperti yang ditunjukkan di dalam Akaun Pembahagian Keuntungan pada tempoh ini adalah dipersetujui oleh Anggota-Anggota Lembaga.
- (c) Berdasarkan kepada kerugian yang diperolehi dalam tempoh ini, Lembaga belum bercadang membuat sebarang pengagihan.
- (d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai Aset dan Liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai;
- (e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi tiada Liabiliti Kontingen yang diakujanji oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- (f) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah Aset Semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993, Seksyen 59(3).




Aziz bin Ismail

Pengerusi



Zain Nassri bin Abdul Aziz

Setiausaha



Ariff Firdaus bin Zabir

Bendahari

Putrajaya

Tarikh: 26 MAR 2024

# AZMI JAAFAR ASSOCIATES

(201803403654)

AZMI BIN JAAFAR  
C.A. (M), AICMA, B Acc (Hons) UITM

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,  
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.  
Tel : 603-42956134  
Fax : 603-42956134  
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

No. Pendaftaran: B-4-0790

## LAPORAN JURUAUDIT

**KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD DAN  
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA.**

### Pendapat Bersyarat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Asas Selangor Berhad yang merangkumi Kunci Kira-Kira pada **31 Ogos 2023**, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut dan ringkasan polisi-polisi perakaunan yang signifikan serta nota-nota kepada penyata kewangan pada muka surat **6 hingga 15**.

Pada pendapat kami, kecuali perkara-perkara yang dinyatakan pada perenggan asas pendapat bersyarat di bawah, Penyata Kewangan yang telah disediakan memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan koperasi pada **31 Ogos 2023** dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Garis Panduan-Garis Panduan Penyeliaan Koperasi dan Piawaian Perakaunan yang diluluskan dan peruntukan Akta Koperasi 1993 dan berkenaan yang telah diluluskan di Malaysia.

### Asas-asas kepada Pendapat bersyarat

**Bangunan RM1,720,317**

Bangunan Koperasi telah disewakan dan mendapat pendapatan sewa bangunan pada setiap bulan. Mengikut GP23 Para 59(d) Pelaburan Hartanah, bangunan yang disewakan perlu diklasifikasi sebagai Pelaburan Hartanah. Oleh yang demikian, Koperasi tidak mematuhi GP23 Para 59(d) Pelaburan Hartanah pada tahun semasa.

Kami telah jalankan pengaudit mengikut piawaian pengaudit yang diluluskan di Malaysia dan piawaian pengaudit antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dinyatakan lebih lanjut di bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi audit penyata kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bukti-buktii audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi menyediakan asas kepada pendapat bersyarat kami.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada mana-mana pengaruh koperasi menurut Undang-Undang Kecil, Etika Pelakuan dan Amalan Profesional yang digariskan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan Kod Etika Akauntan Profesional (IESBA code) dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab menurut Undang-Undang Kecil dan Kod Etika Akauntan Profesional tersebut.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan koperasi tidak meliputi laporan anggota lembaga dan kami tidak menzahirkan sebarang bentuk kesimpulan jaminan.

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,  
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.  
Tel : 603-42956134  
Fax : 603-42956134  
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

**No. Pendaftaran: B-4-0790**  
**LAPORAN JURUAUDIT**  
**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**31 OGOS 2023 ( samb.. )**

**Ketidakpastian Yang Material Berkenaan Usaha Berterusan**

Kami menekankan terhadap Nota 2(a) kepada penyata kewangan, yang menunjukkan bahawa Koperasi mengalami kerugian bersih sebanyak RM2,704 pada tahun berakhir 31 Ogos 2023 dan, pada tarikh tersebut, liabiliti semasa Koperasi melebihi aset semasa sebanyak RM734,515. Dan juga Koperasi tiada keupayaan untuk membayar pinjaman mengikut masa yang telah ditetapkan. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a), peristiwa atau syarat ini, bersama-sama dengan perkara lain seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a) menunjukkan bahawa wujud ketidakpastian yang ketara yang mungkin menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Koperasi untuk meneruskan usaha berterusan.

**Maklumat selain dari Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit**

Para anggota lembaga koperasi adalah bertanggungjawab terhadap lain-lain maklumat yang terdiri daripada laporan anggota lembaga tidak termasuk penyata kewangan koperasi dan laporan juruaudit kami.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan koperasi, kami bertanggungjawab untuk membaca laporan anggota lembaga dan dalam pada itu mempertimbangkan samada laporan anggota lembaga selari atau tidak dengan penyata kewangan koperasi atau pengetahuan kami semasa pengauditan atau sekiranya ia kelihatan seakan-akan seperti satu salah nyata yang material.

Sekiranya berdasarkan kerja pengauditan yang telah kami jalankan, kami simpulkan bahawa terdapat salahnyata yang material di dalam laporan anggota lembaga kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tiada apa-apa yang perlu dilaporkan berkenaan pekerja ini.

**Tanggungjawab Anggota Lembaga untuk Penyata Kewangan**

Anggota-anggota lembaga adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Garis Panduan-Garis Panduan Penyeliaan Koperasi dan Piawaian Perakaunan yang diluluskan dan peruntukan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Anggota-anggota lembaga juga bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada kesilapan yang ketara samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan koperasi, anggota lembaga bertanggungjawab untuk menilai kebolehan koperasi terhadap asas usaha berterusan (going concern), melaporkan mana-mana berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan asas usaha berterusan dan penggunaan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika samada anggota lembaga berhasrat untuk menggulung koperasi atau menghentikan operasi atau tiada alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

No. Pendaftaran: B-4-0790

## LAPORAN JURUAUDIT

KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD

31 OGOS 2023 ( samb..)

### Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang samada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu bentuk kepastian yang tinggi tetapi pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa tidak dapat menjamin ianya akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ianya wujud. Salah nyata boleh terjadi akibat daripada penipuan atau kesilapan dan dikira material jika secara berasingan atau aggregat, ianya dengan munasabah dijangkakan akan mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna berpandukan penyata kewangan ini. Menurut piawaian pengauditan yang di luluskan di Malaysia dan Pengauditan Antarabangsa adalah menjadi sebahagian daripada pengauditan untuk kami lakukan penilaian professional dankekalkan keraguan professional di sepanjang pengauditan.

Kami juga :

- Mengenalpasti dan menilai risiko adanya salah nyata yang material di dalam penyata kewangan samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka menjalankan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk kami jadikan sebagai asas kepada pendapat kami. Risiko untuk gagal mengesan penipuan adalah tinggi daripada risiko untuk gagal mengesan sesuatu kejadian akibat daripada kesilapan kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, tidak merekodkan dengan sengaja atau melangkau kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan pengauditan agar dapat mereka prosedur audit yang sesuai dan bukan untuk menzahirkan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman koperasi.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabah anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh anggota lembaga.
- Membuat kesimpulan ke atas kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pentadbir dan berdasarkan bukti audit yang di perolehi samada wujudnya ketidaktentuan yang material berkaitan peristiwa atau keadaan yang menimbulkan keraguan yang signifikan tentang kebolehan koperasi untuk terus wujud atas asas usaha berterusan.
- Sekiranya kami simpulkan bahawa wujudnya ketidaktentuan yang material kami perlu, di dalam laporan juruaudit kami menarik perhatian kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan atau sekiranya pendedahan yang berkaitan adalah tidak cukup lengkap, ubahsuai pendapat kami. Kesimpulan yang kami buat adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga pada tarikh laporan juruaudit kami. Walaubagaimana pun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan boleh menyebabkan koperasi untuk terus tidak wujud pada asas usaha berterusan.

# AZMI JAAFAR ASSOCIATES (201803403654)

AZMI BIN JAAFAR  
C.A. (M), AICMA, B Acc (Hons) UITM

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,  
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.  
Tel : 603-42956134  
Fax : 603-42956134  
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

**No. Pendaftaran: B-4-0790**  
**LAPORAN JURUAUDIT**  
**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**31 OGOS 2023 ( samb.. )**

**Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan Penyata Kewangan (Samb.)**

- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan koperasi termasuklah pendedahan dan samada penyata kewangan menggambarkan atas transaksi dan kejadian dengan cara mencapai persembahan yang adil.

Kami berkomunikasi dengan anggota lembaga berkenaan lain-lain perkara seperti di antaranya skop dan tempoh masa pengauditan yang telah dirancang dan penemuan audit yang signifikan termasuklah mana-mana kelemahan di dalam kawalan dalaman yang telah dikesan semasa pengauditan.


**Laporan berkenaan svarat-svarat Perundangan dan Peruntukan Lain.**

Menurut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta telah disimpan oleh koperasi dengan wajar menurut peruntukan Akta.

**Perkara-Perkara Lain**

Laporan ini dibuat kepada Suruhanjaya dan anggota-anggota koperasi sebagai sebuah badan menurut Seksyen 63, Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada lain-lain pihak terhadap isi kandungan laporan ini

  
.....  
AZMI JAAFAR ASSOCIATES  
JURUAUDIT KOPERASI BERTAULIAH

  
.....  
Azmi bin JAAFAR  
No. Juruaudit: SKM(A) 0316

Kuala Lumpur  
Tarikh: 26 MAR 2024

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(No. Pendaftaran: B-4-0790)**

**KUNCI KIRA-KIRA  
 PADA 31 OGOS 2023**

	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>HARTANAH DAN PERALATAN</b>			
Bangunan	3	1,422,131	1,456,537
Aset-aset lain	3	<u>13,437</u>	<u>22,640</u>
		<u>1,435,568</u>	<u>1,479,177</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Stok	4	5,600	-
Penghutang perdagangan	5	2,750	-
Pelbagai penghutang, deposit dan pendahuluan	6	45,362	45,362
Tunai di bank	7	<u>92,115</u>	<u>99,364</u>
		<u>145,827</u>	<u>144,726</u>
		<u>1,581,395</u>	<u>1,623,903</u>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>			
Modal syer anggota	11	338,100	338,100
Kerugian terkumpul		<u>(495,908)</u>	<u>(493,204)</u>
		<u>(157,808)</u>	<u>(155,104)</u>
Kumpulan wang rizab statutori	12	1,395	1,395
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Pinjaman berjangka	10	<u>857,466</u>	<u>924,679</u>
		<u>857,466</u>	<u>924,679</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai pembiutang, deposit dan akruan	8	162,950	160,449
Terhutang kepada ASAS	9	400,832	400,832
Pinjaman berjangka	10	<u>316,560</u>	<u>291,652</u>
		<u>880,342</u>	<u>852,933</u>
		<u>1,581,395</u>	<u>1,623,903</u>

Nota-nota yang berlampie merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(No. Pendaftaran: B-4-0790)**

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

	Nota	2023 RM	2022 RM
Rugi bersih bagi tahun semasa		(2,704)	(25,384)
Tolak: Kerugian terkumpul pada awal tahun		<u>(493,204)</u>	<u>(467,820)</u>
Rugi bersih selepas kerugian terkumpul		<u>(495,908)</u>	<u>(493,204)</u>
 <b>Tolak: Pembahagian Wang Berkanun</b>			
Pindahan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori (15%)		-	-
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)		-	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)		-	-
 Rugi bersih selepas pembahagian berkanun		<u>(495,908)</u>	<u>(493,204)</u>
 Kerugian terkumpul pada akhir tahun		<u><u>(495,908)</u></u>	<u><u>(493,204)</u></u>

Nota-nota yang berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(No. Pendaftaran: B-4-0790)**

**AKAUN UNTUNG RUGI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>Pendapatan operasi</b>			
Sewa pejabat		73,200	71,400
Jualan komputer		3,000	-
<b>Pendapatan lain</b>			
Hibah bank		106	79
Pendapatan pelbagai		-	4,710
<b>Jumlah pendapatan</b>		<u>76,306</u>	<u>76,189</u>
<b>Tolak: Perbelanjaan operasi</b>			
Aktiviti jualan komputer		1,400	-
<b>Tolak: Perbelanjaan am</b>			
Belanja susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	3	43,609	43,609
Bil air dan pembetungan		-	604
Bil elektrik		-	80
Caj bank		30	17
Caruman KWSP		-	2,055
Cetakan dan alat tulis		-	307
Cukai taksiran		11,573	8,968
Cukai tanah		-	537
Elaun kakitangan		5,033	9,765
Faedah pinjaman berjangka		14,865	32,148
Perbelanjaan am dan pelbagai		-	860
Perbelanjaan SST		-	123
Yuran audit		2,500	2,500
<b>Jumlah perbelanjaan</b>		<u>79,010</u>	<u>101,573</u>
<b>Rugi bersih bagi tahun semasa</b>		<u>(2,704)</u>	<u>(25,384)</u>

Nota-nota yang berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(No. Pendaftaran: B-4-0790)**

**AKAUN PERDAGANGAN JUALAN KOMPUTER**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>Pendapatan operasi</b>			
Jualan komputer		3,000	-
<b>Jumlah pendapatan</b>		<u>3,000</u>	<u>-</u>
<b>Tolak: Perbelanjaan operasi</b>			
Stok Awal		-	-
Belian		<u>7,000</u>	<u>-</u>
Stok Akhir		<u>7,000</u>	<u>-</u>
<b>Kos operasi</b>		<u>(5,600)</u>	<u>-</u>
<b>Untung bersih bagi tahun semasa</b>		<u>1,400</u>	<u>-</u>
		<u>1,600</u>	<u>-</u>

Nota-nota yang berlampie merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(No. Pendaftaran: B-4-0790)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Kerugian bagi tahun semasa		(2,704)	(25,384)
Pelarasan untuk:			
Faedah pinjaman berjangka		14,865	32,148
Susutnilai harta tanah dan peralatan	3	43,609	43,609
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		55,770	50,373
Tambahan stok		(5,600)	-
Tambahan Penghutang Perniagaan		(2,750)	-
Tambahan dalam pembiayaan lain, deposit dan akruan		2,501	20,310
Tambahan dalam ter hutang kepada ASAS		-	-
Tunai daripada operasi		49,921	70,683
Faedah pinjaman berjangka		(14,865)	(32,148)
Tunai bersih daripada aktiviti operasi		<u>35,056</u>	<u>38,535</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Tambahan modal syar' anggota		-	-
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan		<u>-</u>	<u>-</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>			
Bayaran pinjaman berjangka		(42,305)	(23,397)
Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan		<u>(42,305)</u>	<u>(23,397)</u>
(Kurangan)/Tambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai		(7,249)	15,138
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		99,364	84,226
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		<u>92,115</u>	<u>99,364</u>
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:			
Tunai di bank	7	<u>92,115</u>	<u>99,364</u>
		<u>92,115</u>	<u>99,364</u>

Nota-nota yang berlampie merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(No. Pendaftaran: B-4-0790)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

**1 KEGIATAN KOPERASI**

Tiada kegiatan utama yang dilakukan oleh Koperasi pada tahun semasa. Koperasi hanya menerima pendapatan dengan menyewakan bangunan tingkat bawah milik koperasi kepada 99 Speedmart Sdn. Bhd secara bulanan dan penjualan komputer terpakai.

**2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

**(a) Asas Perakaunan**

Penyata kewangan disediakan menurut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan koperasi adalah berterusan.

Penyata kewangan koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan yang diperbuat dibawahnya dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan.

Koperasi mengalami kerugian bersih sebanyak RM2,704 pada tahun berakhir 31 Ogos 2023 dan, pada tarikh tersebut, liabiliti semasa Koperasi melebihi aset semasa sebanyak RM734,515. Dan juga Koperasi tiada keupayaan untuk membayar pinjaman mengikut masa yang telah ditetapkan. Penyata kewangan Koperasi, walau bagaimanapun, telah disediakan berdasarkan prinsip perakaunan yang digunakan untuk usaha berterusan. Asas usaha berterusan ini menganggap bahawa Koperasi akan beroperasi dengan menguntungkan pada masa hadapan yang boleh dijangka dan akan terus menerima sokongan kewangan daripada para Lembaga dan, akibatnya, realisasi aset dan penyelesaian liabiliti akan berlaku dalam perjalanan biasa perniagaan.

**(b) Fi Masuk**

Fi masuk yang diterima dalam tempoh ini dikreditkan ke Akaun Untung Rugi mengikut kehendak Undang-Undang Kecil Fasal 1 (53).

**(c) Komisen Ejen Jualan**

Komisen jualan adalah berdasarkan peratusan tertentu daripada nilai jumlah jualan kasar barang milik Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS).

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(No. Pendaftaran: B-4-0790)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

**(d) Hartanah dan peralatan**

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kejejasan terkumpul, jika ada, kecuali tanah pemegang bebas dan bangunan.

Hartanah dan peralatan lain disusutnilaikan mengikut asas garis lurus bagi menghapus-kira kos aset, atau nilai penilaian semula, kepada nilai sisa ke atas tempoh anggaran hayat, diringkaskan seperti berikut :

	<b>Kadar</b>
Bangunan	2%
Ubahsuai bangunan	10%
Perabot	10%
Penghawa dingin	10%
Kipas / Lampu	10%

Aset akan disusutnilai apabila aset telah sedia untuk digunakan.

**(e) Penghutang**

Penghutang diiktiraf pada nilai invois dikeluarkan. Hutang lapuk dihapuskira dalam tempoh ia dikenal pasti. Satu anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada semakan semula semua jumlah tertunggak pada tarikh kunci kira-kira.

**(f) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dan deposit di bank serta pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

**(g) Pemiutang**

Pemiutang diiktiraf pada nilai invois diterima.

**(h) Stok**

Stok perniagaan adalah dinilai pada kos belian atau anggaran realisasi mana-mana terendah.

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
 (No. Pendaftaran: B-4-0790)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

**3 HARTANAH DAN PERALATAN**

<b>Kos</b>	<b>Pada</b> <b>01.09.2022</b>	<b>Pembelian</b>	<b>Pelupusan</b>	<b>Pada</b> <b>31.08.2023</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Bangunan	1,720,317	-	-	1,720,317
Ubahsuai bangunan	71,040	-	-	71,040
Perabot	7,000	-	-	7,000
Penghawa dingin	10,490	-	-	10,490
Kipas / Lampu	3,500	-	-	3,500
	<b>1,812,347</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>1,812,347</b>
<b>Susutnilai terkumpul</b>	<b>Pada</b> <b>01.09.2022</b>	<b>Susutnilai</b>	<b>Pelupusan</b>	<b>Pada</b> <b>31.08.2023</b>
	<b>RM</b>	<b>Semasa</b> <b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Bangunan	263,780	34,406	-	298,186
Ubahsuai bangunan	54,464	7,104	-	61,568
Perabot	5,367	700	-	6,067
Penghawa dingin	7,692	1,049	-	8,741
Kipas / Lampu	1,867	350	-	2,217
	<b>333,170</b>	<b>43,609</b>	<b>-</b>	<b>376,779</b>
<b>Nilai dibawa</b>		<b>2023</b>		<b>2022</b>
		<b>RM</b>		<b>RM</b>
Bangunan		1,422,131		1,456,537
Ubahsuai bangunan		9,472		16,576
Perabot		933		1,633
Penghawa dingin		1,749		2,798
Kipas / Lampu		1,283		1,633
		<b>1,435,568</b>		<b>1,479,177</b>

Bangunan dibeli menggunakan pembiayaan pinjaman berjangka (Nota 10). Kos bangunan yang terlibat adalah RM1,720,317.

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
 (No. Pendaftaran: B-4-0790)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

**4 STOK**

	2023	2022
	RM	RM
Komputer	<u>5,600</u>	-

**5 PENGHUTANG PERDAGANGAN**

	2023	2022
	RM	RM
Mustafa Bin Safri	1,375	-
Mohd Poad Bin Shafeai	1,375	-
	<u>2,750</u>	-

**6 PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN**

	2023	2022
	RM	RM
Lebihan deposit pembelian bangunan	35,129	35,129
Deposit elektrik - 22A	6,304	6,304
Deposit elektrik - 22B	3,129	3,129
Deposit air - 22A	500	500
Deposit air - 22B	300	300
	<u>45,362</u>	<u>45,362</u>

**7 TUNAI DI BANK**

	2023	2022
	RM	RM
Bank Islam Malaysia Berhad	77,401	84,650
Malayan Banking Berhad	14,714	14,714
	<u>92,115</u>	<u>99,364</u>

**8 PELBAGAI PEMIUTANG, DEPOSIT DAN AKRUAN**

	2023	2022
	RM	RM
Deposit sewaan diterima - 99 Speedmart	12,200	12,200
Deposit utiliti diterima - 99 Speedmart	500	500
Yuran audit terakru	7,500	5,000
Faedah pinjaman berjangka terakru	138,266	138,265
Cukai taksiran terakru	4,484	4,484
	<u>162,950</u>	<u>160,449</u>

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
 (No. Pendaftaran: B-4-0790)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

**9 TERHUTANG KEPADA ASAS**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada awal tahun	400,832	400,832
Tambahan dalam tahun semasa	-	-
Baki pada akhir tahun	<u>400,832</u>	<u>400,832</u>

**10 PINJAMAN BERJANGKA (PRINSIPAL)**

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Pinjaman berjangka</b>		
Baki pada 1 Januari	1,584,167	1,624,167
Pembayaran pada tahun semasa	(57,169)	(40,000)
Baki pada 31 Ogos	<u>1,526,998</u>	<u>1,584,167</u>

**Faedah pinjaman**

Baki pada 1 Januari	367,836	384,439
Belanja faedah tahun semasa	(14,865)	(16,603)
Baki pada 31 Ogos	<u>352,971</u>	<u>367,836</u>
	<u>1,174,027</u>	<u>1,216,331</u>

**Analisa pinjaman berjangka adalah seperti berikut:**

Tidak lebih daripada 1 tahun	316,560	291,652
Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun	289,925	357,138
Lebih daripada 5 tahun	567,541	567,541
	<u>1,174,026</u>	<u>1,216,331</u>

Pinjaman ini merupakan pinjaman berjangka daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dibawah Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK) yang perlu dibayar oleh Koperasi dengan 237 ansuran bulanan bermula pada Ogos 2015 dan berakhir pada April 2035. Pinjaman berjangka ini digunakan untuk membiayai pembelian bangunan (rujuk nota 3) sebanyak RM1.4 juta.

**KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD**  
**(No. Pendaftaran: B-4-0790)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

**11 MODAL SYER ANGGOTA**

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
Baki pada awal tahun	338,100	338,100
Tambahan dalam tahun semasa	-	-
	<hr/>	<hr/>
	338,100	338,100
Tolak: modal syer anggota dikembalikan	-	-
Baki pada akhir tahun	<hr/>	<hr/>
	338,100	338,100
	<hr/>	<hr/>

**12 KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI**

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
Baki pada awal tahun	1,395	1,395
Baki pada akhir tahun	<hr/>	<hr/>
	1,395	1,395
	<hr/>	<hr/>

**13 KEDUDUKAN ANGGOTA**

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
Bilangan anggota pada awal tahun	128	128
Tolak: anggota berhenti/gugur	-	-
Bilangan anggota pada akhir tahun	<hr/>	<hr/>
	128	128
	<hr/>	<hr/>

**14 ANGKA PERBANDINGAN**

Sebahagian angka perbandingan telah dikelaskan semula agar seimbang dengan persembahan penyata kewangan tahun semasa.

# AZMI JAAFAR ASSOCIATES

(201803403654)

AZMI BIN JAAFAR  
C.A. (M), AICMA, B Acc (Hons) UITM

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,  
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.  
Tel : 603-42956134  
Fax : 603-42956134  
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

No. Pendaftaran: B-4-0790

## LAPORAN PENGURUSAN JURUAUDIT

(DIBAWAH PERATURAN 29(7), PERATURAN-PERATURAN KOPERASI 2010)

### KEPADA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ASAS SELANGOR BERHAD

Tetuan,

Kami melaporkan bahawa kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Asas Selangor Berhad bagi tahun berakhir **31 Ogos 2023** dan mengikut kehendak Peraturan 29(7), Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, dan laporan pengurusan kami adalah seperti berikut:

PENEMUAN-PENEMUAN	CADANGAN-CADANGAN
1) <u>Lebihan Deposit Pembelian Bangunan – RM35,129</u>  Didapati amaun ini tidak bergerak sejak beberapa tahun. Tiada peruntukan hutang rugu dibuat. Pihak koperasi memaklumkan bahawa perbincangan dengan pemaju bagi mendapat butiran transaksi sebelum tindakan selanjutnya diambil.	Pihak Koperasi disaran agar menyegerakan perbincangan tersebut kerana perkara ini telah berlaku sejak beberapa tahun terkelabang.
2) <u>Terhutang kepada ASAS – RM340,832</u>  Pihak kami tidak dapat memastikan samada kelulusan SKM telah diperolehi bagi tambahan dalam tahun selaras dengan kehendak seksyen 50 (e) Akta Koperasi 1993.	Pihak koperasi disaran agar memastikan bahawa kelulusan daripada SKM diperolehi sebelum membuat sebarang pinjaman atau pendahuluan dari pihak ketiga yang bukan anggota.
3) <u>Pinjaman TMP-JPK – RM1,174,026</u>  Didapati koperasi telah membuat pembayaran balik pinjaman tersebut kurang daripada yang dinyatakan dalam jadual bayaran balik pinjaman. Pihak koperasi memaklumkan bahawa perbincangan dengan pihak SKM ada dibuat dan pihak SKM bersetuju dengan cadangan pembayaran yang dikemukakan oleh koperasi. Namun, tiada surat pengesahan secara rasmi daripada SKM tentang perkara ini.	Pihak koperasi disaran memohon pengesahan secara rasmi daripada SKM berkenaan jadual baru pembayaran balik pinjaman ini.

# AZMI JAAFAR ASSOCIATES

(201803403654)

AZMI BIN JAAFAR  
C.A. (M), AICMA, B Acc (Hons) UITM

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,  
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.  
Tel : 603-42956134  
Fax : 603-42956134  
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

Sekian. Terima kasih

  
.....  
AZMI JAAFAR ASSOCIATES  
JURUAUDIT KOPERASI BERTAULIAH

Kuala Lumpur  
Tarikh: 26 MAR 2024